

234(a) 2
2/71

Yang Amat Berhormat
Datuk Menteri Besar Johor,
Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat
Negeri dan Badan-badan Negeri,

UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN OMN, PENANGKU
PERDANA MENTERI DALAM MAJLIS PERJUNTAAN DAN
PENERANGAN DENGAN AHLI-AHLI MAJLIS UNDANGAN
NEGERI DAN KETUA-KETUA JABATAN DI BILIK
DENAI UNDANGAN NEGERI JOHOR PADA HARI

KHAMIS, 6/9 SEPTEMBER, 1973
JAM 12.00 TENGAHARI.

PEN. 9/73/34 (TPM)

Yang Amat Berhormat
Datuk Menteri Besar Johor,

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Masyuarat
Kerajaan dan Dewan Undangan Negeri,

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya sukacita kerana pada hari ini dapat mengadakan lawatan rasmi yang pertama kali ke negeri Johor setelah memegang jawatan saya yang baru.

2. Perjumpaan pada hari ini bukanlah sesuatu yang luarbiasa, kerana di masa yang lepas, saya pernah bertemu dengan tuan-tuan untuk mendengar dan membincangkan masalah-masalah negara dan parti khususnya mengenai soal pelajaran.

namun demikian, pada hari ini masalah yang hendak saya bangkitkan dan perhatian yang kita patut tumpukan ialah mengenai perkembangan-perkembangan yang terakhir bersangkutan dengan soal negara pada masa ini dan masa akan datang serta menentukan sikap dan tanggungjawab kita untuk menghadapinya.

3. Sebagai ahli politik, kita mempunyai tanggungjawab terhadap negara, parti dan rakyat. Di samping itu, kita menyaksikan bahawa setiap dasar yang ditetapkan oleh parti dan dilaksanakan oleh Kerajaan sentiasa menjadi tumpuan rakyat. Perlu diingat kita sentiasa diingatkan dari segi setakat mana kita berjaya melaksanakan segala rancangan-rancangan yang diputuskan.

4. Saya yakin bahawa tugas dan tanggungjawab ini telah dapat kita lakukan di masa yang lepas menurut kemampuan masing-masing. Dalam pada itu, boleh jadi ada di antara kita yang disebabkan oleh kesibukan telah tidak dapat memberikan perhatian kepada tugas menurut semestinya. Saya berharaplah supaya kita sentiasa berhati-hati oleh kerana amanah yang diberikan oleh rakyat kepada kita dan juga kepada parti adalah sentiasa dikaji semasa diadakan Pilihanraya ataupun dari masa ke semasa.

5. Kesanggupan kita, kesanggupan parti dan Kerajaan yang menikul tanggungjawab adalah diukur daripada kaca mata hasil yang kita perolehi.

perjalanan politik kita dengan adanya perubahan dalam
Sektor Kerajaan Pusat.

6. Perlulah kita menentukan haluan kita daripada sekarang juga, dan di samping itu menjamin supaya amanah yang diberikan oleh rakyat telah kita seapurnakan sebagai seorang individu yang menjadi wakil rakyat ataupun sebagai satu Badan Kolektif seperti ahli Dewan Undangan Negeri dan ahli mesyuarat Kerajaan. Saya berharap kepercayaan yang diberikan oleh rakyat ini tidak diabaiakan. Dan sebaliknya sentiasa menyedari akan amanah dan tanggungjawab ini supaya kita sentiasa berpandu dengannya.

Tuan-tuan sekalian,

7. Hari ini kita memasuki satu era baru dalam perjalanan politik kita dengan adanya perombakan dalam Kabinet Kerajaan Pusat.

8. Kesen dari rombongan ini amatlah besar sekali, terutama kepada diri saya yang dengan kehendak Tuhan, dengan kepercayaan pucuk pimpinan parti serta dengan amanah yang diberikan oleh tuan-tuan sekalian, saya berada di satu tempat yang bukan saja memerlukan kerjasama bahkan doa restu daripada setiap gulungan - kawan dan lawan.

9. Saya telah menitikberatkan soal perlunya kita, sebagai parti yang memerintah menghadapi rakyat sepanjang masa, mendisiplinkan diri kita supaya sadar akan kewajiban, menjalankan usaha yang mengenai kepentingan rakyat dan masyarakat umum serta menyalakangkan kepentingan diri atau keluarga sendiri.

10. Kepada tuan-tuan yang menjadi pegawai Kerajaan, tanggungjawab dan amanah yang ditetapkan kepada tuan-tuan telah untuk melaksanakan setiap dasar yang telah diputuskan oleh Kerajaan. Saya sedar bahawa tanggungjawab ini adalah berat. Tetapi sekiranya ada muafakat di dalam segala bidang, di tambah dengan persefahaman dan dedikasi serta ingatan untuk sentiasa bersedia berbakti kepada masyarakat, saya yakin tugas yang tuan-tuan hadapi dan jalankan itu akan dapat dihasilkan, bahkan kita sentiasa direstui oleh rakyat yang mendapat nikmat daripadanya.

11. Salah satu rukun yang perlu diamalkan oleh setiap kakitangan Kerajaan ialah semangat sedia berkhidmat dan

mendahulukan kepentingan rakyat biasa daripada kepentingan diri sendiri. Kiranya disiplin yang seperti ini dapat dijalankan, tidak syak lagi bahawa kita boleh maju ke hadapan mencapai cita-cita dan tujuan dengan mudah. Di samping itu, kita tidak pula ragu-ragu untuk menghadapi rakyat pada setiap masa dan ketika.

12. Negeri Johor ini, semenjak daripada zaman dulu lagi terkenal sebagai negeri yang kaya kerana mempunyai hasil serta kemahiran-kemahiran dalam soal pertadbiran. Lebih-lebih lagi kedudukan negeri Johor adalah sangat penting, oleh sebab ia berkedatan dengan negara jiran - Singapura.

Dengan itu, kita haruslah sentiasa berhati-hati oleh sebab kedudukannya berada di pintu hadapan tempat masuknya pelawat-pelawat, tempat masuknya ahli-ahli perniagaan dan tempat masuknya segala jenis manusia yang ada urusan dengan kita.

13. Menghadapi hakikat ini, saya harap tuan-tuan akan sentiasa sadar peri mustahaknya perancangan kita, pemikiran kita dan pelaksanaan tugas kita ditumpukan kepada tujuan yang memberi faedah kepada negeri dan negara Malaysia anya. Sebarang keputusan yang diambil mempunyai kesan terhadap negara kita, di masa depan. Oleh itu, tuan-tuan perlulah menyedari akan hakikat ini supaya setiap usaha yang tuan-tuan jalankan tidak bertentangan dengan haerat dan kedudukan kami

sebagai ahli politik. Dan dalam usaha menuju kepada memberi khidmat kepada masyarakat, hubungan kita iaitu hubungan pegawai Kerajaan dengan ahli-ahli politik sangatlah penting bukan saja perlu dirapatkan, bahkan persefahaman sentiasa dipertingkatkan oleh kerana hubungan ini mempunyai pengaruh langsung dalam kegiatan kita sehari-hari.

14. Dalam perjumpaan ini, saya tidaklah berhajat untuk memberikan amanat-amanat penting, tetapi yang mustahak ialah untuk mendengar akan rancangan usaha yang dijalankan dalam negeri Johor ini dan untuk mengetahui tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh tuan-tuan sekalian semasa menjalankan tugas.

15. Saya percaya di bawah pimpinan Y.A.B. Datuk Menteri Besar Johor, negeri ini telah bergerak maju dengan begitu pesat dan cepat; dan masalah-masalah yang timbul di negeri ini bukanlah sesuatu yang tidak dapat di atasi, tetapi masalah biasa yang ada perkaitannya dengan sebuah negeri yang sedang naik berkembang.

16. Saya berharap tuan-tuan akan sentiasa menunjukkan perhatian supaya negeri ini akan sentiasa menjadi contoh tauladan dalam proses mencapai kemajuan dan kebahagiaan rakyat.



No. Sijil
No. Pendaftaran

[Faint, illegible text, likely bleed-through from the reverse side of the page]



No Siri	560
No Penerimaan	72/79